



SELANGOR

PERCUMA 6 - 13 November 2015, 24 Muharam - 1 Safar 1437 www.selangorku.com

Program Kemahiran Digital
4 JUTA
Meringankan jurang pendapatan kaya-miskin dengan perluaskan penajaan pendidikan kejurang

Unisel
ITI SELANGOR
Network of things bagi mencapai Selangor. Transformasi Unisel sebagai universiti yang terbilang

Majlis Perundingan Smart Selangor



RM10 juta
3 tahun menyediakan roadmap atau blueprint Selangor sebagai Smart State

2016
RM20.9 JUTA
Bayaran balik sukuk BaIDS



RM10 juta
Basiswa Selangorku

8 JUTA
Membina MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI SAINS TEKNOLOGI DI AMPANG & BAGAN LALANG

2
MEMBINA MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI SAINS TEKNOLOGI DI AMPANG & BAGAN LALANG
RM 52 JUTA



AFFORDABLE
CHILDCARE
CENTRE

PBT akan mengkaji garis panduan pembangunan sedia ada untuk memastikan pusat penjagaan kanak-kanak disediakan dan mudah diakses oleh ibu bapa

MEMBANGUN #SMART SELANGOR YANG PEDULI

Program kesedaran domestik yang menyediakan khidmatan serta program kesedaran mengenai wanita & kanak-kanak



Program pembangunan generasi muda & sukan

RM20.8 JUTA

Program pembangunan internet, WiFi percuma



Pembangunan infrastruktur sukan

RM17.68 JUTA

"Watering Hole for arts aficionados"

RM 2 Juta
Penterjemahan dan produksi buku audio karya-karya Melayu klasik dan moden

RM 5 Juta
Memperniagat aktiviti

SHAH WORLD MUSLIM

Merayakan & menampilkan kepelbagaian & kosmopolitan



Gambar oleh Shuib Ayob



RM1.44 bilion, peruntukan pembangunan tertinggi dalam sejarah

DATO' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, mengumumkan peruntukan pembangunan terbesar dalam sejarah Belanjawan Selangor dengan RM1.44 bilion.

Peruntukan itu disifatkan tertinggi jika dibandingkan dengan negeri lain bagi pelaksanaan projek infrastruktur iaitu RM1.07 bilion atau 74 peratus.

Selain itu, peruntukan terbabit juga membiayai projek pembangunan berpaksaan rakyat seperti pembinaan Kompleks Letak Kereta Awam di Seksyen 5 Shah Alam dengan peruntukan RM15 juta.

Turut diperuntukkan adalah pembangunan tempat letak kereta Perpustakaan Awam Raja Tun Uda dengan peruntukan RM20 juta.

Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) menyaksikan peruntukan iaitu RM208.07 juta atau 14 peratus bagi pembangunan sosial.

"Peruntukan RM170 juta juga disediakan untuk program pemberian air

Peruntukan RM170 juta juga disediakan untuk program pemberian air percuma bagi 2016.

percuma bagi 2016.

"Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) juga diteruskan iaitu RM26 juta dan RM8 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program Hadiah Anak Masuk Universiti," katanya.

Sejumlah RM16 juta pula diperuntukkan bagi meneruskan program bantuan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan SRJK Tamil.

Program Hal Ehwal Selain Islam turut diberi perhatian dengan menerima peruntukan RM6 juta.



Ke arah Membangun Smart Selangor Yang Peduli



BELANJAWAN Selangor 2016 memperuntukkan RM2.88 bilion dengan mengangkat tema 'Membangun Smart Selangor Yang Peduli'.

Dengan nisbah 50:50, perbelanjaan pengurusan dan pembangunan masing-masing menerima peruntukan RM1.44 bilion.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata belanjawan itu perancangan awal menuju 'Smart State' dalam tempoh tiga tahun yang memberikan keutamaan menjana pembangunan dina-

mik dan organik melalui lima strategi.

Katanya, strategi itu adalah menerajui gagasan Smart Selangor, menjana sumber pendapatan secara strategik, mempertingkatkan pembangunan berkualiti dan inisiatif peduli.

Dua lagi strategi termasuk memperkukuh kualiti pendidikan dan latihan serta membangun kapasiti wanita, generasi Y dan ekonomi kreatif.

Anggaran hasil 2016 dijangka meningkat 14.2 peratus kepada RM2.25 bilion de-

ngan penyumbang utama hasil, premium tanah (48.1 peratus), hasil cukai tanah (20.9 peratus) dan urus niaga berkaitan tanah (9.1 peratus).


"Sehingga 30 September 2015, Kerajaan Negeri mencatatkan kutipan hasil RM2.048 bilion atau pencapaian 103.98 peratus berbanding dengan anggaran hasil 2015 iaitu RM1.97 bilion.

"Hasil Cukai mencatatkan kutipan iaitu RM556.9 juta, hasil bukan cukai RM1.31 bilion dan terimaan bukan hasil iaitu RM 80.4 juta," katanya.



Program air percuma diteruskan Kenaikan gaji penjawat awam 3%

PERBELANJAAN MENGURUS



KERAJAAN Selangor mengumumkan kenaikan gaji tiga peratus kepada penjawat awam dan meneruskan program Pemberian Air Percuma 20 meter padu.

Perkhabaran gembira itu diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016.

Kerajaan Negeri memperuntukkan perbelanjaan mengurus RM1.44 bilion, iaitu RM396.3 juta bagi perbelanjaan Emolumen, RM503.9 juta disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan manakala RM25.7 juta diperuntukkan kepada pembelian Aset.

"Di bawah Emolumen, peningkatan peruntukan berikutan kenaikan tiga peratus gaji tahunan 10,673 kakitangan awam melibatkan pertambahan kos iaitu RM8.8 juta.

"Bagi Perkhidmatan dan Bekalan, RM20.12 juta disediakan bagi membiayai keperluan perkhidmatan di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terutama dalam meningkatkan kualiti pendidikan,"katanya.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menerima peruntukan tambahan iaitu RM12 juta untuk operasi penyelenggaraan benteng pantai dan sungai, logboom dan kolam takungan bagi mengurangkan risiko banjir.

Untuk pembelian Aset, sejumlah RM1.6 juta diperuntukkan bagi perolehan sembilan buah kaunter bergerak yang dibekalkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

"Penyediaan kaunter bergerak ini

bagi memberi keselesaan rakyat membuat pilihan kaedah bayaran bersesuaian dengan masa dan lokasi mereka.

"Ia terutama bagi penduduk di luar bandar yang mengalami kesukaran datang ke pejabat atau tidak mempunyai capaian internet bagi membuat bayaran secara atas talian,"katanya.

Bagi Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap pula diperuntukkan RM441.7 juta, sementara Perbelanjaan lain bernilai RM72.4 juta.

"Kenaikan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berikutan kenaikan jumlah bantuan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu iaitu RM5 juta menjadikan jumlah keseluruhan Program Air Percuma iaitu RM170 juta.

"Secara puratanya, setiap bulan sebanyak 1.1 juta akaun meter individu dan 65,000 unit pangsapuri kos rendah mendapat manfaat daripada program ini,"katanya.

Sejumlah 1.8 juta penduduk Selangor yang berada di bawah paras garis kemiskinan bakal menerima manfaat dengan kenaikan kadar bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu RM14.7 juta.

Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) menerima peruntukan RM5 juta dalam usaha memajukan sukan bola sepak di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda pula menerima manfaat kenaikan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tujuan operasi iaitu RM1 juta.

Belanjawan defisit 2015 jadi surplus



KERAJAAN Negeri berjaya mengurus belanjawan defisit 2015 iaitu RM452.5 juta kepada belanjawan surplus RM552.58 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata hasil negeri dianggarkan pada 2015 iaitu RM1.97 bilion melonjak kepada RM2.05 bilion berbanding perbelanjaan sebenar RM1.5 bilion sehingga 30 September 2015.

"Sehingga akhir tahun ini, hasil negeri dijangka meningkat kepada RM2.24 bilion dan mencatatkan lebih hasil iaitu RM274 juta,"katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengam-

bil ketetapan mencorak perbelanjaan 2015 dengan mengurangkan belanja mengurus kepada 53 peratus dan meningkatkan belanja pembangunan kepada 47 peratus.

Iltizam pengurusan kewangan berhemah Kerajaan Negeri itu tidak dapat dilakukan Kerajaan Persekutuan.

Tekad Kerajaan Negeri tidak membentangkan belanjawan tambahan bagi 2015 berjaya dicapai.

Mohamed Azmin berkata, kejayaan itu membuktikan Belanjawan 2015 adalah realistik berasaskan anggaran bertanggungjawab dan berdisiplin.

Berkat disiplin fiskal dan urus tadbir baik.

Hasil Negeri Melonjak
RM 2.05 BILION

Perbelanjaan Sebenar
Sehingga 30 September 2015
RM 1.50 BILION

SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2015

**SURPLUS
RM 552.58**



Belanjawan 2016 Selangor serlah kesungguhan Shah Alam bela rakyat

{KOMENTAR}

BELANJAWAN berdefisit dan kenaikan peruntukan perbelanjaan pembangunan kepada kadar 50 peratus jelas mencerminkan kesungguhan pentadbiran Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali untuk menjamin pembangunan negeri diteruskan walaupun dalam keadaan ekonomi negara tidak begitu memberangsangkan.

Keberanian menggunakan sebahagian rizab negeri tanpa mengambil pinjaman luar bagi menampung perbelanjaan adalah perkara baik yang selari dengan tuntutan rakyat.

Akan tetapi, perlu dipastikan bahawa perbelanjaan rizab ini hanya akan dilakukan berasaskan nilai dan pengandaan ekonomi yang terbaik (best value basis with best economic multiplier).

Dalam kata lain perlu dipastikan bahawa pengandaan ekonomi yang bakal terhasil daripada perbelanjaan ini harus melangkaui nilai rizab yang dibelanjakan.

Keberanian menggunakan sebahagian rizab negeri tanpa mengambil pinjaman luar bagi menampung perbelanjaan adalah perkara baik yang selari dengan tuntutan rakyat.

Perbelanjaan peruntukan pembangunan juga harus dipantau untuk memastikan segala projek infrastruktur yang dirancang dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

Ini akan menyelesaikan kebanyakan keluhan dan permintaan rakyat berkaitan infrastruktur yang sudah sekian lama tertangguh.

*Dr Fahmi Ngah
Ketua Pegawai Eksekutif
Pejabat Penasihat Ekonomi
Negeri Selangor*

Pertumbuhan ekonomi 2016 diramal 5.5%

PERTUMBUHAN ekonomi Selangor pada 2016 diunjurkan berkembang sekitar 5.0 hingga 5.5 peratus berbanding jangkaan 2015 iaitu pada 4.5 hingga 5.5 peratus.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pertumbuhan itu dipimpin sektor perkhidmatan dan perindustrian bagi melonjakkan sumbangan negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016.

"Sektor perkhidmatan diunjurkan tumbuh 5.4 peratus dengan anggaran sumbangan hampir 58 peratus kepada KDNK.

"Bagi sektor perindustrian pula, dianggarkan menyumbang 30 peratus kepada KDNK," katanya.

Mohamed Azmin berkata, pertumbuhan ekonomi Selangor naik sekitar 0.5 hingga 1.0 peratus itu disebabkan suasana kegetiran ekonomi global.

Pun begitu, beliau tidak menafikan pertumbuhan ekonomi negeri turut terkesan dengan krisis politik di Putrajaya.

BELANJAWAN NEGERI SELANGOR 2016
RM 2,880,000,000

50%
Perbelanjaan Pembangunan

50%
Perbelanjaan Mengurus

"Negara hari ini bergelut dengan krisis politik dan kegawatan ekonomi berpunca daripada skandal kewangan 1MDB sekali gus menyebabkan prestasi nilai ringgit dalam keadaan paling parah di Asean.

"Malapetaka kewangan negara turut melibatkan pelbagai skandal termasuk agenda menyemai prasangka perkauman dan fahaman agama ekstrem yang menghakis keyakinan pelabur," katanya.

Kenaikan gaji, elaun bukan untuk pancing undi

PENGUMUMAN kenaikan gaji tiga peratus kepada penjawat awam dan guru Kelas Fardhu Ain (KAFA) bukan bertujuan memancing undi dalam pilihan raya.

Sebaliknya, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kenaikan itu adalah keperluan setiap tahun yang diperuntukkan kepada anggota perkhidmatan awam.

"Begitu juga elaun guru KAFA yang bukan tindakan populis menjelang pilihan raya, tetapi tanggungjawab Kerajaan Negeri kerana komitmen tinggi mereka

dalam mendidik anak-anak.

"Bagi saya, tindakan populis bagi kepentingan rakyat adalah bertanggungjawab dan bukan untuk memancing undi seperti yang dibuat Kerajaan Persekutuan," katanya.

Dalam Belanjawan Selangor 2016, Kerajaan Negeri mengumumkan kenaikan gaji tiga peratus kepada penjawat awam dan guru KAFA.

Bagi guru KAFA, seramai 6,900 orang dijangka menerima manfaat itu dengan kenaikan daripada RM1,300 kepada RM 1,500.

Selain itu, 150 guru KAFA In-



Bagi saya, tindakan populis bagi kepentingan rakyat adalah bertanggungjawab dan bukan untuk memancing undi

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

tegrasi Selangor yang menerima elaun bulanan berjumlah RM800 daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut mencatat kenaikan sehingga RM1,500 mulai 2016.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



Mohamed Azmin sebak bentang belanjawan

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali tidak dapat menahan sebak ketika mengimbuai kembali pengalaman ditempohi beliau dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat dan negeri terkaya itu.

Baginya, masa pantas berlalu disulami pengalaman pahit dan manis mendidik diri dan pasukan negeri bekerja dengan lebih gigih.

"Namun, semua pengalaman ini, mendidik untuk tawadhu, selain mendorong saya dan pasukan negeri bekerja dan terus bekerja.

"Persetankan suara cemburu dan pengacau kedamaian, yang pahit itu penawar supaya rakyat dan negeri sihat bertenaga," kata Mohamed Azmin dengan suara

sebak ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016 di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 30 Oktober lalu.

Mohamed Azmin berkata, beliau tekad terus memikul tanggungjawab menjaga harta dan hasil mahsul negeri serta membangunkannya berpaksikan falsafah keadilan pengagihan dituntut Maqasid al-Syari'ah.

"Saya ingin menegaskan seluruh dasar Kerajaan Negeri dan Belanjawan 2016 adalah berpaksikan prinsip Ekonomi Maqasid," katanya.

Tahun ini merupakan tahun kedua Mohamed Azmin membentangkan belanjawan tahunan selepas dilantik sebagai Menteri Besar pada 22 September lalu.



Tiada peruntukan tambahan

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menegaskan tiada peruntukan tambahan dikemukakan dalam Belanjawan Selangor 2016.

Beliau berkata, langkah itu diambil ekoran Kerajaan Selangor yakin pengurusan ekonomi negeri dilaksanakan berhemah dan bertanggungjawab.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku pada waktu lepas apabila perbincangan (belanjawan) dibuat secara berimbang, tetapi dalam setiap sesi dewan diminta belanjawan tambahan.

"Itu adalah sikap tidak bertanggungjawab kerana mengemukakan unjuran tidak tepat hingga menyebabkan keperluan belanjawan tambahan," katanya.

Mengulas berkenaan belanjawan 2015 yang defisit sebelum ini, Mohamed Azmin berkata pihaknya hanya berlaku jujur kepada DNS dengan menyatakan peruntukan diperlukan untuk pembangunan negeri.

Bagaimanapun, katanya, peningkatan hasil meningkat iaitu RM452.5 juta berjaya menjadi-

kan belanjawan 2016 mencatat lebih atau surplus.

"Selangor menjangkakan hasil ini terus meningkat sehingga hujung tahun dan berjaya menampung defisit bagi 2015.

"Dari segi unjuran kita sudah melihat keperluan pembangunan Selangor dan semua jabatan diminta supaya tidak memberikan kos operasi tinggi dan hanya tumpu soal pembangunan," katanya.


“

Selangor menjangkakan hasil ini terus meningkat sehingga hujung tahun

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

BELANJAWAN 2015

"Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan"



PENINGKATAN BELANJA PEMBANGUNAN

Pacu perkembangan positif ekonomi Selangor

BELANJAWAN 2016 dibentangkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, mampu memacu perkembangan positif terhadap ekonomi Selangor dengan unjuran tiga ke empat peratus pada tahun hadapan.

Setiasua Politik Dato' Menteri Besar, Shuhaimi Shafiee, berkata pendekatan diambil bagi menggalakkan perkembangan

dan pertumbuhan ekonomi di negeri itu melalui pelbagai strategi dirangka Kerajaan Selangor.

"Persoalan ini pasti berlegar di fikiran rakyat kerana belanjawan tahun ini menjadi surplus.

"Biarpun membentangkan belanjawan defisit untuk 2016 tetapi dengan menggalakkan pembangunan maka berlaku aktiviti ekonomi di seterusnya melonjakkan perkembangannya," katanya kepada Selangor Kini.

Adun Sri Muda itu berkata, Kerajaan Negeri mencatatkan belanjawan terbesar sejak Pakatan mengambil alih pentadbiran negeri selain juga sejarah bagi sesebuah negeri di Malaysia dengan jumlah RM2.88 bilion.

Katanya, apa membezakan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan ialah biarpun kedua-dua mempunyai belanjawan defisit tetapi di Selangor pembahagian perbelanjaan adalah seimbang untuk mengurus dan pembangunan.



Dana RM100 juta rancak bangunkan Rumah Selangorku

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan RM150.9 juta atau 11 peratus peruntukan bagi pembangunan ekonomi termasuk pelaksanaan projek pembangunan Rumah Selangorku dengan dana RM100 juta bagi tempoh lima tahun bermula 2016.

Katanya, RM20 juta daripada jumlah itu disalurkan menerusi Tabung Pemulihan Projek Terbangkalai (TEPAT).

"Kegagalan pemaju menyiapkan projek perumahan dirancang menyebabkan implikasi negatif.

"Peruntukan itu disalurkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi menyelaraskan kerja pemuliharaan seterusnya memastikan nasib pembeli dapat dipedulikan," katanya.

Mohamed Azmin berkata, persetujuan antara pembeli dan pihak berkepentingan perlu diselesaikan bagi memastikan tempoh penyelesaian dapat dipercepatkan.

Peruntukan itu disalurkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi menyelaraskan kerja pemuliharaan seterusnya memastikan nasib pembeli dapat dipedulikan



Belanjawan menyeluruh bela semua lapisan

EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad menyifatkan Belanjawan Selangor 2016 sebagai belanjawan syumul.

Katanya, belanjawan itu menyentuh semua aspek dan golongan masyarakat di negeri termaju itu.

"Ini adalah belanjawan syumul, lengkap tanpa ada aspek tertinggal dalam memastikan rakyat menerima manfaat daripada belanjawan ini," katanya.

Menyentuh peruntukan di bawah portfolio beliau, Iskandar berkata Kerajaan Negeri turut prihatin masalah dihadapi golongan tidak layak membuat pinjaman bank tetapi berhasrat memiliki rumah sendiri.

"Kerajaan Negeri sedia bantu bayar wang pendahuluan 10 peratus kepada mereka yang gagal mendapat pinjaman bank. Apabila selesai membayar balik kepada Kerajaan Negeri, memungkinkan mereka untuk membeli rumah itu," katanya.

Iskandar berkata, golongan sama turut dibantu menerusi Skim Dana-Sel dengan peruntukan RM10 juta menerusi konsep sewa beli.

"Sekiranya penyewa terbabit masih gagal dapatkan pinjaman bank, mereka masih boleh terus



“

Ini adalah belanjawan syumul, lengkap tanpa ada aspek tertinggal dalam memastikan rakyat menerima manfaat daripada belanjawan ini

ISKANDAR ABD SAMAD
Exco Perumahan

tinggal dan memiliki rumah itu apabila bayaran sewa bulanan dibuat dapat menampung harga rumah terbabit," katanya.

Belanjawan 2016 turut memperuntukkan RM25 juta bagi Skim CERIA untuk membaiki kerosakan rumah kos rendah dibina di era Barisan Nasional (BN).

Sejumlah RM1.68 juta diperuntukkan bagi membeli rumah untuk disewakan kepada golongan tidak berkemampuan dan RM3.8 juta untuk skim membina masyarakat di rumah bertingkat bawah program SEROJA dan FOKUS.

RM10 juta bantu rakyat miliki rumah pertama

SELANGOR Smart Home Buyers bakal diperkenalkan tahun hadapan dengan peruntukan RM10 juta bagi membantu rakyat memiliki rumah pertama.

Menerusinya, pendahuluan bayaran deposit 10 peratus bagi rumah Selangorku jenis B dan C disediakan Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata skim terbabit dijangka bakal dinikmati lebih 1,000 pembeli.

"Skim ini membolehkan Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) memegang sebahagian milikan rumah dan hanya boleh dilepas melalui bayaran balik kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata, skim khas pembiayaan rumah melalui usahasama dengan institusi perbankan turut disediakan dengan cagaran RM20 juta.

Skim DanaSel juga diteruskan dengan peruntukan RM10 juta, bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah melalui kaedah sewa dan milik.

"RM1.6 juta pula disediakan bagi membeli 40 unit rumah siap dibina untuk disewakan kepada golongan tidak berkemampuan membeli rumah.

"Inisiatif ini diteruskan dengan tambahan peruntukan RM1.68 juta," katanya dalam pembentangan Belanjawan baru-baru ini.





Kerjasama Nestle pacu pelaburan jangka panjang

KERAJAAN Negeri bekerjasama dengan Nestlé Manufacturing bagi merealisasikan pelaburan jangka panjang di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata hal itu kerana Selangor mencatatkan 130 projek pelaburan termasuk produk galian bukan logam dengan pelaburan RM732.6 juta sehingga Jun 2015.

Katanya, ia diikuti dengan kertas, percetakan dan penerbitan dengan pelaburan RM617.2 juta serta pembuatan makanan bernilai RM468 juta.

"Ketika ini kilang Nestlé di Shah Alam mempunyai kira-kira 2,000 pekerja, manakala 700 pekerja di kilang mereka di Petaling Jaya," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Syarikat Nestlé Manufacturing di Seksyen 15 Shah Alam kini diperbesarkan dengan tambahan pelaburan RM288 juta bagi 2014 dan 2015 di atas tanah seluas kira-kira 13 ekar.

Katanya, ia bagi pengeluaran produk makanan dan minuman dengan konsep pembungkusan terbaru di pasaran dan memberi peluang pekerjaan tenaga mahir seramai 166 orang.

Selain itu, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri bertekad melahirkan 10,000 pekerja berpengetahuan setahun dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing tidak mahir.

Katanya, usaha itu boleh dicapai kerana Selangor mempunyai lebih daripada 140 kolej dan universiti di samping 30 sekolah antarabangsa.

"Inisiatif itu sebagai usaha menarik pelabur ke Selangor yang mempunyai potensi besar untuk memainkan peranan dinamik di peringkat serantau.

"Dengan penduduk melebihi 5.8 juta, negeri ini mempunyai 2.9 juta tenaga kerja dengan purata 98.7 peratus daripada mereka melalui sistem pendidikan asas dan menguasai lebih



Kerajaan Negeri bertekad melahirkan 10,000 pekerja berpengetahuan setahun dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing tidak mahir

daripada satu bahasa.

"Smart Selangor tidak boleh bergantung kepada tenaga buruh tidak mahir. Statistik menunjukkan 37 peratus daripada 14 juta pekerja di Malaysia adalah buruh asing dengan 97 peratus adalah pekerja tidak mahir," katanya.

Selangor Bio Bay hasil produk berteknologi tinggi



SELANGOR mengorak langkah kepada pelaburan berimpak tinggi melalui penghasilan produk bioteknologi dan sains hayat.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata untuk tujuan itu Selangor Bio Bay diperkenalkan sebagai pusat pertumbuhan baru global.

"Ia bakal dibangunkan dengan keluasan 1,070 ekar di Pulau Indah untuk menarik pelaburan industri perubatan dan sains hayat berteknologi tinggi," katanya.

Selangor Bio Bay adalah kesinambungan pelan perancangan strategik sektor perindustrian seperti di Bandar Sultan Suleiman dan Bukit Raja menerusi Central Spectrum.

Setakat ini, Central Spectrum membina taman industri di Pulau Indah berkeluasan 3,500 ekar yang menjana pelaburan RM15 bilion dalam tempoh 20 tahun.

Dianggarkan sektor perindustrian menyumbang 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016.



MB ulangi status DEIG dalam Belanjawan 2016



RASIONALISASI ANAK SYARIKAT

KEBERGANTUNGAN HASIL NEGERI

Kebergantungan kepada premium, cukai dan urusniaga tanah sebagai hasil utama negeri perlu disemak semula

PENCIPTAAN NILAI MAMPAN

Matlamat dan halatuju DEIG adalah untuk menguruskan aset milik MBI bagi mencapai penciptaan nilai yang kukuh dan mampan

PRINSIP KEBERTANGGUNGJAWABAN

DEIG hanya akan mula beroperasi setelah urusan memperkemas dan memperkukuhkan struktur urus tadbir diselesaikan dengan berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban dan ketelusan

KUMPULAN Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) hanya beroperasi setelah urusan memperkemas dan memperkukuhkan struktur urus tadbir diselesaikan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sekali lagi menegaskan kenyataan itu ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016 di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 30 Oktober lalu.

Beliau berkata, DEIG harus berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam memastikan pengurusan aset milik Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan baik.

"Matlamat DEIG adalah menguruskan aset milik Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) bagi mencapai penciptaan nilai kukuh

dan mampan untuk meningkatkan hasil negeri melalui pembayaran dividen.

"Usaha inovatif itu bagi mengelakkan pertindihan aktiviti ekonomi melalui pembentukan beberapa kluster perniagaan yang memberi impak ekonomi strategik," katanya.

Mohamed Azmin berkata, penubuhan syarikat itu juga susulan hasrat menilai semula kebergantungan hasil negeri kepada premium, cukai dan urusniaga tanah.

"MBI kini dalam proses rasionalisasi aset dimiliki anak syarikatnya untuk menjana pertumbuhan dinamik dan organik bagi mempelbagaikan sumber pendapatan," katanya.

HIJRAH terima RM31 juta, bangun koperasi dan bazaar

YAYASAN HIJRAH menerima peruntukan tambahan RM31 juta bagi meluaskan program pembangunan berteraskan ekonomi di Selangor menjelang 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan itu digunakan sepenuhnya untuk menubuhkan Koperasi dan Bazaar HIJRAH.

Katanya, program mikroredit itu diperluaskan dengan menyasarkan golongan ibu tunggal,

asnaf, pekerja ladang, belia dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

"Koperasi HIJRAH Selangor bertujuan membuka ruang dan peluang perniagaan lebih besar kepada peserta.

"Manakala Bazaar Hijrah memberi ruang dan landasan kepada peserta untuk menjual produk dihasilkan dalam ruang niaga bersepadu," katanya.

Mohamed Azmin berkata, sejak diperkenalkan pada Be-

lanjawan 2015, HIJRAH berjaya memberi manfaat kepada 11,148 peserta dengan nilai pinjaman melebihi RM74.5 juta.

Katanya, jumlah penerima dijangka terus meningkat dengan sasaran sehingga 20,000 peserta pada penghujung tahun ini.

"Berkonsep 'Pinjaman Asas Simpanan', HIJRAH menjanjikan hasil pulangan peserta diserap ke dalam Tabung Hijrah Selangor sebagai simpanan," katanya.

Berjaya lonjak pendapatan usahawan

PROGRAM HIJRAH berjaya melahirkan golongan usahawan kecil dan sederhana berpotensi untuk dimajukan pada tahap lebih tinggi.

Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar, Shuhaimi Shafiee, berkata perancangan Belanjawan 2015 membantu usahawan dengan pinjaman disalurkan berjaya dikutip pada tahap 98 peratus.

Katanya, kejayaan diperoleh itu pastinya merangka beberapa

program tambahan menerusi Belanjawan 2016.


"Belanjawan 2015 berjaya membina jaringan perniagaan golongan usahawan yang digabungkan di bawah pengurusan dipertanggungjawabkan menerusi program HIJRAH," katanya kepada Selangor Kini.

ADUN Sri Muda itu berkata, ia adalah rekod yang wajar disebarluaskan apabila sistem dipraktikkan berjaya memberi serta mengutip semula pinjaman.

Katanya, program HIJRAH masih berada pada tahap membantu peserta dengan mendidik mereka melunaskan bayaran pinjaman disediakan dan hasil diraih setakat ini membanggakan.

"Program ini banyak memberi manfaat kepada kumpulan sasaran apabila sebelum ini kebanyakannya memohon pinjaman daripada ah long atau secara haram pada kadar faedah tinggi tetapi kini ada kemudahan lebih baik," katanya.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas kepercayaan yang diberikan kepada Program Hijrah Selangor. Pertambahan peruntukan membuktikan Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh melebarkan pendapatan kelas menengah. Justeru, pentadbiran ini sentiasa memberi komitmen dan menjalankan tugas dengan penuh amanah supaya peruntukan yang disalurkan benar-benar sampai membantu golongan sasaran terutamanya peniaga di seluruh Selangor



Datuk Mansor Othman
Pengerusi Eksekutif
HIJRAH Selangor

Bonus sebulan setengah gaji bagi penjawat awam

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan bonus satu bulan setengah kepada penjawat awam negeri itu.

Bagaimanapun, pembayaran sebulan gaji sudah dibuat pada Mei lalu dan selebihnya dibayar pada 17 Disember ini.

Tarikh itu dipilih dengan mengambil kira sesi persekolahan baru 2016 pelajar sekolah.

"Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada penjawat awam yang bertungkus lumus meningkatkan hasil membiayai pembangunan demi kemakmuran rakyat," kata Mohamed Azmin.

Pembayaran bonus itu melibatkan implikasi kewangan RM44.1 juta daripada Belanjawan Selangor.



KOMEN EXCO SELANGOR

"SAYA menerima banyak pujian dan sokongan rakyat khususnya mereka yang menduduki di kampung dan pangsapuri kos rendah kerana pengecualian cukai taksiran melegakan beban ekonomi mereka.

"Selain itu, penjaja kecil yang mendapat pengecualian fi lesen juga merupakan dasar yang peduli rakyat. Saya amat puas hati tentang Belanjawan Selangor 2016 ini.

Ean Yong Hian Wah

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru



"PERUNTUKAN selesa terutama untuk persediaan sukan kerana 2016 kita ada acara sukan besar seperti Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak selain melengkapkan pemerkasaan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) untuk dipanjangkan ke peringkat daerah.

"Fokus utama untuk memastikan pasukan Liga Super tahun depan mempunyai peruntukkan yang baik,"

Amirudin Shari Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan



"BELANJAWAN ideal terutama penumpuan terhadap nasib pekerja ladang. Saya menyambut baik cadangan membaik pulih SRJK(T) Coalfields, Kuala Selangor dengan peruntukkan RM4 juta kepada JKR Selangor.

Ganabatirau Veraman

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang



"TERDAPAT banyak projek pembangunan dimasukkan dalam bajet ini termasuk projek baru seperti Bas Selangorku dengan peruntukkan bertambah tiga kali ganda. Untuk portfolio di bawah saya Projek Bio Bay, Selangor International Expo dilanjutkan dan projek Halal International juga diperkembangkan.

Semua ini termasuk pengumuman tentang projek pelaburan besar membuktikan usaha kita selama ini menampakkan hasil. Untuk masa hadapan kita dapat buat perancangan agak rapi dengan sokongan bajet memberansangkan".

Datuk Teng Chang Khim Exco Pelaburan, Perindustrian IKS serta Perdagangan dan Pengangkutan



"BELANJAWAN yang memenuhi kehendak rakyat melalui program baru mahupun sedia ada seperti meneruskan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

"Rakyat Selangor amat bertuah dengan segala inisiatif Kerajaan Negeri dalam Belanjawan 2016 dan manfaat ini akan berterusan untuk mereka,

Dr Daroyah Alwi

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga



"BELANJAWAN komprehensif di saat ekonomi sukar.

"Kita lihat penerusan pemberian biasiswa yang sangat baik untuk pelajar selain berjaya menunaikan janji untuk kenaikan gaji guru KAFI sudah dilaksanakan.

Nik Nazmi Nik Ahmad

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi



"INI adalah belanjawan syumul, lengkap tanpa ada aspek tertinggal dalam memastikan seluruh rakyat menerima manfaat daripada belanjawan ini Keprihatinan membantu pemohon tidak layak mendapatkan pinjaman bank membayar wang pendahuluan 10 peratus merupakan langkah bijak selain meneruskan skim Dana-Sel dengan peruntukkan RM10 juta.

Datuk Iskandar Abdul Samad

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar



"ALHAMDULILLAH kalau dilihat peruntukan diberikan menunjukkan komitmen kerajaan selesaikan isu yang dekat dengan rakyat seperti banjir dengan peruntukkan sehingga RM80 juta bagi penyelenggaraan kolam takungan dan sebagainya.

"Selepas kita usahakan beberapa projek dalam 2015 termasuk projek penyelenggaraan kolam takungan dan jalan raya. Hasil prestasi itulah maka diberi kepercayaan lebih untuk selesaikan lebih banyak masalah infrastruktur.

Mohd Zaidy Abdul Talib

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani



"BELANJAWAN holistik apabila ia turut memberikan penumpuan utama kepada institusi pendidikan dan pembangunan generasi muda.

"Ini merupakan asas utama kepada pembangunan negeri maju seperti Selangor kerana anak muda mewarisi pentadbiran di masa akan datang. Fokus untuk menjadikan Smart Selangor itu dapat diperhebatkan

Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi

Exco Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi



"PERMULAAN

baik ke arah memantapkan sektor pelancongan dan perkhidmatan di Selangor serta mengalu-alukan kewujudan Jawatankuasa Teknologi Hijau.

"Ini adalah pengiktirafan bahawa pelancongan perubatan atau kesihatan antara terpenting bagi membawa lebih ramai pelancong daripada luar negara ke Selangor.

Elizabeth Wong

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna



"BELANJAWAN cukup baik untuk Negeri Selangor.

"Dahulunya defisit sekarang surplus. Kita nampak banyak perbelanjaan untuk rakyat diutamakan.

Dr Abdul Rani Osman

Adun Meru



"TAHNIAH atas keberanian Kerajaan Selangor berbelanja disaat kelembapan ekonomi berlaku. Yang penting belanjawan ini untuk rakyat dan bertanggungjawab.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

Adun Kajang



"BELANJAWAN terbaik sejak lapan tahun lalu dan berjaya pecahkan rekod belanjawan di seluruh Malaysia dengan perbelanjaan seimbang (50:50) Ini tidak pernah berlaku dan ia adalah kejayaan kepimpinan Dato' Menteri Besar

Ng Suee Lim

Adun Sekinchan



REAKSI ADUN PAKATAN SELANGOR

BOOT CAMP RM1.5 JUTA
Melaksanakan Graduate Employability Enhancement Programme demi meningkatkan soft skills kemahiran dalam meningkatkan kebolehpasaran



Program Kemahiran Teknikal RM4 JUTA
Mengurangkan jurang pendapatan kaya-miskin dengan memperluaskan penajaan pendidikan di Kolej Impens

2015 RM60 JUTA
Baikpulih sistem pembentungan & asrama

unisel UNIVERSITI SELANGOR
Maju Seiring Internet of things bagi mencapai gagasan Smart Selangor. Transformasi Unisel untuk bangkit sebagai universiti yang terbilang

2016 RM20.9 JUTA
Bayaran balik sukuk BaIDS



RM10 juta
3 tahun menyediakan roadmap atau blueprint Selangor sebagai Smart State

Majlis Perundingan Smart Selangor



RM6.73 JUTA
Naiktaraf infrastruktur teknologi maklumat

RM13 JUTA
Pemasangan 2,500 hotspot

SITEC RM3.8 JUTA
Penubuhan Selangor Information Technology & E-Commerce Centre



Selangor Digital Creative Centre (SDCC)
Inkubator dengan ruang co-working, menawarkan sinergi dari segi inovasi teknologi & budaya keusahawanan untuk membangunkan komuniti startup

MBI Darul Ehsan Investment Group
Rasionalisasi Anak Syarikat

Keberuntungan Hual Negeri
Keberuntungan kepada premium, cukai & urusi-niaga tanah sebagai hasil utama negeri perlu disemak semula

Penciptaan Nilai Mampuan
Matlamat dan halatuju DEIG adalah untuk mengurus aset-aset milik MBI bagi mencapai penciptaan nilai yang kukuh dan mampan

Prinsip Bertanggungjawab
DEIG hanya akan mula beroperasi setelah urusan memperkemas & memperkukuhkan struktur urus tadbir diselesaikan dengan berpegang kepada prinsip keber-tanggung-jawaban & ketelusan

Pemuliharaan Sungai Klang
Menjadi mercutanda untuk menjana pertumbuhan baru dan mencetus sebuah ekosistem ekonomi maritim



RM15 JUTA
Kajian Komprehensif pembangunan Sg Klang

BIOBAY SELANGOR

1070 Ekar
Fokus untuk menarik pelaburan dalam industri perubatan & sains hayat yang berteknologi tinggi



Selangor sebagai peneraju dalam program persijilan HIS menerusi pembangunan program **Halal Technical Competent Person (HTCP)**

SELANGOR INTERNATIONAL EXPO 2015
700 Ruang pameran RM5 JUTA
mempromosikan Negeri Selangor sebagai hub perdagangan global

Menggalakkan Industri Pelancongan RM1.35 JUTA
Naik taraf Pusat Pelancongan Kelip-Kelip, kemudahan infra di pantai-pantai & pembelian trem di Bukit Melawati

RM7.75 JUTA
Promosi acara pelancongan memajukan industri kraf-tangan & naik taraf produk pelancongan

Health Tourism Pembangunan 3 Buah Hospital
di Gombak, Shah Alam, & Setia Alam dijangka siap pada tahun 2020
RM300 JUTA

Nilai pelaburan RM830 JUTA
20 Ekar di Serendah



Tambahan Pelaburan RM378 JUTA
Shah Alam



RM 10 JUTA
Memperluas perkhidmatan Bas Smart Selangor di MPAJ & MPKJ



INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM

2015 **RM320.1 JUTA**
2016 **RM373 JUTA**
PENINGKATAN RM53 JUTA

PERUMAHAN UNTUK RAKYAT RM 10 JUTA
Skim DanaSel

Membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah melalui kaedah Sewa dan Milik (Rent & Own)

RM 10 JUTA
Selangor Smart Home Buyers
Pendahuluan bayaran deposit sebanyak 10% bagi pembelian Rumah Selangorku (jenis B&C)
1,000 PEMBELI

INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR SELANGOR RM 170 JUTA
Meneruskan program air percuma

RM 778 JUTA
Pembangunan
2 Loji Rawatan Air Baru
Labohan Dagang, Kuala Langat & Semenyih 2, Jenderam Hilir

RANCANGAN 2016 TEBATAN BANJIR

RM 80 JUTA RM 24 JUTA
Peningkatan 70.21% berbanding peruntukan tahun 2015

INISIATIF HIJAU

3,000 PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN SISA PEJAJAL **RM40 JUTA** PEMBANGUNAN TAMAN RAKYAT SELUAS 40.8 EKAR

Program Bantuan Makanan Asas

Membantu golongan kurang berkemampuan meringankan kos sara hidup yang kian meningkat
RM 3 JUTA untuk membantu 5,000 keluarga termiskin

RM 4 JUTA
Pembangunan SRJK(T) Ladang Desa Coalfield menempatkan sekurang-kurangnya 500 pelajar

RM 1.5 JUTA
Membantu pekerja & bekas pekerja ladang menyesuaikan kehidupan

RM 1 JUTA
Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin

Pelancongan Koperasi Hijrah Selangor & Bazaar Hijrah

Menasarkan penyertaan golongan khusus Ibu Tunggai, Asnaf, Pekerja Ladang, Belia & OKU peruntukan tambahan **RM 31 JUTA**

PBT memberikan keselesaan, memenuhi keperluan & kemudahan aksesibiliti OKU.
Langkah Proaktif
Program pembangunan latihan & pembelajaran termasuk menambah bahan bacaan braille & audio
RM 270,000
Program pembangunan & pemberdayaan golongan OKU

Projek perintis pusat sehenti bagi rawatan autisme

DIDIK SMART SELANGOR
Pelaksanaan dengan kos RM500,000

SELANGOR HOMEMAKER PROGRAM

Program perintis Selangor Home-maker memberi peluang kepada wanita profesional memohon waktu bekerja secara anjal atau bekerja dari rumah.

AFFORDABLE CHILDCARE CENTRE

PBT akan mengkaji garis panduan pembangunan sedia ada untuk memastikan pusat penjagaan kanak-kanak disediakan terutama di kawasan perumahan mampu milik dan kos rendah

PWB Pusat pengumpulan, jualan produk makanan dan kraftangan home-based menerusi Pusat Wanita Berdaya yang berperanan membangunkan komuniti perniagaan kecil & sederhana dari kalangan wanita luar bandar.

WMO HeForShe **RM 50,000**
Membantu mangsa keganasan domestik Dana untuk NGO yang menyediakan khidmatan crisis intervention serta program kesedaran awam untuk melindungi wanita & kanak-kanak

Learning Center
Ruang santai, pusat pembelajaran & riadah diperumahan kos rendah dengan kemudahan komputer, WiFi serta program tuisyen percuma oleh sukarelawan muda

RM1.45 JUTA
Menggalakan program & kegiatan generasi muda di peringkat PBT melalui Pengerak Belia Tempatan (PeBT)



Program pembangunan generasi muda & sukan **RM20.8 JUTA**

Pembangunan atlet & baikpulih infrastruktur sukan **RM17.68 JUTA**

RM 23 JUTA
Sumbangan untuk Bola Sepak Selangor termasuk membangunkan Akademi Merah Kuning

Agenda Pembangunan Bola Sepak yang holistik & Profesional

AKADEMI MERAH KUNING
Turun Ke Setiap Daerah
mencari dan menggilap bakat muda seawal usia 16 tahun

"Watering Hole for arts aficionados"

RM 2 JUTA
Penterjemahan dan produksi buku audio karya-karya Melayu klasik dan moden


RM 5 JUTA
Mempergiat aktiviti pencerahan kepada rakyat

RM 1 JUTA
PROJEK PETA KEBUDAYAAN SELANGOR
Memartabatkan warisan orang asli di Negeri Selangor

SHAH ALAM
WORLD MUSLIM FASHION CITY

Merayakan fesyen yang menampilkan kepelbagaian identiti & kosmopolitanisme dunia Islam.

PEMBANGUNAN GALERI SENI & HERITAGE WALK RM 15 JUTA
PEMBANGUNAN MUZIUM TEKSTIL RM 15 JUTA
PEMBANGUNAN MUZIUM SETEM RM 15 JUTA
MEWUJUDKAN STUDIO TERBUKA SENI CATAN, CETAK & ARCA



STRATEGI BELANJAWAN
MENERAJUI GAGASAN SMART SELANGOR

MENJANA SUMBER PENDAPATAN SECARA STRATEGIK

MEMPERKUAKU KUALITI PENDIDIKAN & LATIHAN

MEMBANGUN KAPASITI WANITA, GENERASI & EKONOMI KREATIF

MEMPERTINGKAT PEMBANGUNAN KUALITI & INISIATIF PEDULI

BELANJAWAN NEGERI SELANGOR 2016
RM2,880,000,000





Selangor mampu ulangi Belanjawan surplus

Belanjawan Selangor 2016 bertepatan 'Membangun Smart Selangor Yang Peduli' menyaksikan peruntukan perbelanjaan pembangunan dan pengurusan 50:50 menjadikan masing-masing RM1.44 bilion. Cadangan peruntukan itu dibuat berdasarkan kedudukan kewangan Selangor yang kukuh dan meyakinkan. Ikuti wawancara bersama **PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, DATUK NOORDIN SULAIMAN** bagi mengulas perbelanjaan 2016 bersama wartawan **NORHAYATI UMOR**.



Pandangan berhubung keseluruhan Belanjawan Selangor 2016?

Belanjawan Selangor dibentangkan membabitkan perbelanjaan iaitu RM2.88 bilion bagi melaksanakan perancangan dan agenda Kerajaan Negeri. Jumlah itu membabitkan iaitu RM1.44 bilion peruntukan mengurus dan RM1.44 bilion bagi peruntukan pembangunan.

Di sini kita dapat menghayati ucapan itu menunjukkan cadangan belanjawan 2016 merentasi semua sektor dan lapisan masyarakat.

Apa dikatakan belanjawan merentasi semua sektor dan lapisan masyarakat antaranya Projek Rumah Mampu Milik (RMM). Sejumlah RM41.68 juta diperuntukkan dan pembinaanya bermula 2016.

Ia dibina melalui anak syarikat Kerajaan Negeri berkaitan dan syarikat swasta yang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Jadi, komponen pembangunan perumahan itu bakal dinikmati golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk memiliki rumah.

Manakala, pemaju membangunkan projek itu serta industri perkilangan pula melalui bahan pembuatan untuk memenuhi keperluan pembangunan. Jadi, kesan pembangunan itu memberikan impak besar kepada semua lapisan dan sektor.

Jangan kita beranggapan, apabila bangunkan perumahan, rakyat sahaja dapat faedah. Golongan kaya (pemaju, pemain industri) juga menikmati faedah daripada projek dihasilkan dan diperuntukkan dalam cadangan belanjawan pembangunan.

Kita melihat belanjawan kali ini memperuntukkan perbelanjaan terbesar bagi pembangunan berbanding sebelum ini. Komen Datuk.

Memang ia adalah yang terbesar. Saya berada di Selangor sejak 1999. Walaupun ketika itu saya tidak terbabit secara langsung tetapi saya mengikutinya. Bermula 2006, ketika berada di Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), baru saya terbabit secara langsung. Ini memang terbesar sekali dari segi peratusan mahupun nilainya juga terbesar.

Kita melihat dan memahami, Selangor adalah negeri penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terbesar iaitu hampir 24 peratus. Oleh itu, sebagai penyumbang terbesar, Selangor mempunyai banyak aktiviti ekonomi yang dijana atau dilaksanakan dalam negeri.

Hal itu bermakna dengan adanya penajaan ekonomi, ramai yang datang ke negeri ini memberi sumbangan dalam bidang masing-masing termasuk negara jiran. Semua pihak merebut peluang yang ada termasuk peluang pekerjaan yang ada hasil daripada keperluan penajaan ekonomi.

Bagi saya, belanjawan dibentangkan untuk pertumbuhan ekonomi contohnya seperti pembangunan perumahan, ia memberikan rangkaian yang banyak. Penajaan berterusan tidak tersekat dengan satu sahaja, ia meluas.

Pada 2015, belanjawan dibentangkan adalah defisit namun akhirnya menjadi belanjawan



Hal itu bermakna dengan adanya penajaan ekonomi, ramai yang datang ke negeri ini memberi sumbangan dalam bidang masing-masing termasuk negara jiran. Semua pihak merebut peluang yang ada termasuk peluang pekerjaan yang ada hasil daripada keperluan penajaan ekonomi

surplus. Apakah faktor hal itu berlaku?

Belanjawan 2015, kita membuat unjuran hasil negeri ketika itu iaitu RM1.97 bilion. Namun, dalam tempoh beberapa bulan, banyak pembangunan berlaku terutamanya pembangunan hartanah.

Antaranya, keperluan pembinaan perumahan mahupun perniagaan. Jadi, pembangunan hartanah perlu dibuat di atas tanah ditukarkan syaratnya kepada kediaman atau premis perniagaan. Daripada segi itu, apabila berlaku pertukaran syarat tanah pertanian kepada perumahan atau perniagaan, maka bayaran premium dikenakan.

Jadi dari situ, 48 peratus berpunca daripada hasil bayaran pre-

mium tanah. Selain itu, Kerajaan Negeri menggiatkan kutipan hasil negeri contohnya melalui cukai tanah tertunggak, pelaburan dalam institusi kewangan yang diluluskan.

Jadi adakah Belanjawan Defisit 2016 berpotensi menjadi Belanjawan Surplus?

Pada 2015, anggaran defisit iaitu RM450 juta. Manakala 2016, kita menganggarkan defisit iaitu RM630 juta. Keadaan ini kerana kita membandingkan anggaran hasil.

Pada 2016, kutipan hasil dianggarkan meningkat iaitu 14.2 peratus iaitu menjadikannya RM2.25 bilion. Anggaran ini kita melihat pada suku tahun ketiga.

Pastinya dalam tempoh itu



berlaku beberapa perkara disebabkan ekonomi dan sebagainya yang boleh merubah kedudukan anggaran hasil.

Kedudukan hasil juga tidak semestinya bergantung kepada premium tanah. Banyak faktor lain menyumbang kepada peningkatan hasil.

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah premium tanah (48.1 peratus), hasil cukai tanah (20.9 peratus) dan urus niaga berkaitan tanah (9.1 peratus).

Kutipan hasil terbabit menyumbang 78.1 peratus daripada kutipan keseluruhan anggaran hasil negeri 2016. Selain itu, hasil negeri turut disumbangkan keuntungan pelaburan simpanan tetap (3.5 peratus), cukai hiburan (2.5 peratus) dan cukai hasil hutan iaitu pengeluaran kuari (1.8 peratus).

Oleh itu, tidak mustahil Belanjawan 2016 bakal menjadi belanjawan surplus mahupun belanjawan berimbang.

Belanjawan defisit. Ada faktor ke arah belanjawan tambahan?

2015 menyaksikan perkara itu tidak berlaku walaupun dibentang defisit. Tahun ini, saya tidak fikir dan tidak langsung terfikir malah saya yakin tidak ada belanjawan tambahan pada 2016.

Melihat kepada cadangan belanjawan, adakah ia realistik dan mampu dilaksanakan.

Sudah tentu mampu dilaksanakan. Kita membuat cadangan



melalui pengiraan. Ia asas anggaran hasil yang dijana. Berapa banyak perbelanjaan mengurus diperlukan dan berapa perbelanjaan diperuntukkan.

Perlu diingat mengapa kita berani membuat belanjawan defisit kerana Kerajaan Negeri mempunyai rizab negeri yang berada di tahap RM3.5 bilion. Jadi, jika hasil tidak cukup, Kerajaan Negeri menggunakan rizab itu bagi menampung apa yang kurang. Itu tidak menjadi masalah.

Contohnya, sesuatu projek tebatan atau membina jambatan dan jalan dibuat anggaran Jabatan Teknikal. Katakan jumlahnya RM10 juta, tetapi apabila tender dibuka anggaran kos ditanggung berkurangan kerana Kerajaan Negeri mengamalkan prinsip keterbukaan.

Kerajaan Negeri melalui sistem 'Cut Off' memilih harga terbaik dan kebiasaannya harga itu tidak melebihi anggaran kos ditetapkan. Ia memberikan simpanan balik ke akaun negeri. Oleh itu, saya yakin 2016 tidak ada belanjawan tambahan.

Ramalan 2016 mengalami kelembapan ekonomi, adakah ia menjejaskan hasil negeri seterusnya pembangunan di Selangor?

Selangor merupakan negeri yang bergantung pada sumbangan aktiviti ekonomi. Ia melibatkan perkhidmatan, pengangkutan dan sebagainya. Itu merupakan komponen terbesar iaitu 58 peratus dalam sektor

“**Selangor menekankan pada aspek pembangunan dan aspek penjanaan ekonomi. Aktiviti pembangunan yang menjana pendapatan kepada semua sektor secara langsung atau tidak langsung.**”

perkhidmatan dan 30 peratus dari sektor industri.

Kita tidak bergantung kepada komoditi. Contohnya petroleum dan sebagainya. Jika harga petroleum turun maka pendapatan juga turun.

Jadi, Selangor tidak terkesan dengan kelembapan ekonomi. Kita tidak bergantung kepada hasil komoditi seperti sesetengah negeri. Bagi menjana pendapatan, kita bergantung kepada hasil tanah, cukai, kutipan hasil dan sebagainya.

Adakah Datuk melihat Belanjawan 2016 merupakan belanjawan terbaik berbanding sebelumnya?

Tahun ini adalah tertinggi baik dari peratusannya atau jumlah. Jadi, sudah tentu yang terbaik. Sebenarnya belanjawan negeri setiap tahun terbaik.


Selangor menekankan pada aspek pembangunan dan aspek penjanaan ekonomi. Aktiviti pembangunan yang menjana pendapatan kepada semua sektor secara langsung atau tidak langsung.

Trend lebih dan pengurangan pada setiap tahun belanjawan negeri iaitu 30.31 peratus (2009), -20.95 peratus (2010), 4.22 peratus (2011), 8.41 peratus (2012), 35.30 peratus (2013), -1.80 peratus (2014), 3.17 peratus (2015) dan 18.89 peratus (2016).

ANGGARAN KUTIPAN HASIL 2016 RM2.25 BILION

PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI	PREMIUM TANAH 48.1%
	HASIL CUKAI TANAH 20.9%
	URUSNIAGA NERKAITAN TANAH 9.1%
	CUKAI HIBURAN & HASIL HUTAN 4.3%
	PELABURAN SIMPANAN TETAP 3.5%

**MENINGKAT
14.2%**
berbanding
2015






3 MEMBINA
MAAHAD TAHFIZ
RM 18 JUTA

2 MEMBINA MAAHAD
TAHFIZ INTEGRASI
SAINS TEKNOLOGI DI
AMPANG & BAGAN LALANG
RM 52 JUTA

RM73 juta perkasa maahad tahfiz



TIGA buah maahad tahfiz bakal dibina pada 2016 dengan kos pembangunan RM18 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata langkah itu diambil menyedari minat tinggi ibu bapa menghantar anak mereka ke institusi itu.

"Kita perlu memastikan graduan maahad tahfiz berpeluang melanjutkan pelajaran dan mempunyai kerjaya di masa hadapan.

"Integrasi antara bidang

hafalan al-Quran dengan akademik memberi wajah baru kepada golongan agamawan dan umat Islam keseluruhannya," katanya.

Selain itu, dua buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS) dibina di Pandan dan Bagan Lalang dengan kos pembangunan RM52 juta.

Kemudahan Maahad Tahfiz Integrasi Sains 'Darul Turoth' di Bagan Terap dinaik taraf dengan peruntukan RM3 juta.



Integrasi antara bidang hafalan al-Quran dengan akademik memberi wajah baru kepada golongan agamawan dan umat Islam

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar



Saya melihat belanjawan diunjurkan begitu baik dengan Dato' Menteri Besar sendiri memberikan penumpuan utama kepada institusi pendidikan dan pembangunan generasi muda.

"Ini adalah asas utama kepada pembangunan negeri maju seperti Selangor kerana anak muda akan mewarisi pentadbiran pada masa hadapan. Fokus untuk menjadikan Smart Selangor itu akan dapat diperhebatkan"

Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi
Exco Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi



RM4 juta bangun SRJK(T) Ladang Coalfields lengkap asrama

SEBANYAK RM4 juta diperuntukkan bagi pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil Ladang Coalfields, Kuala Selangor menjelang 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan pembinaan kemudahan pendidikan lengkap berasrama kepada anak pekerja ladang itu disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dalam tempoh terdekat.

"Ia membantu anak pekerja ladang terima pendidikan sempurna dan cemerlang sekaligus mengurangkan kemiskinan golongan itu.

"Pembangunan sekolah berasrama itu mampu memuatkan 500 pelajar dan dibiayai melalui Tabung Amanah Anak Pekerja Ladang Coalfields," katanya.

Mohamed Azmin berkata,



Pembangunan sekolah berasrama itu mampu memuatkan 500 pelajar dan dibiayai melalui Tabung Amanah Anak Pekerja Ladang Coalfields

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

JKR Selangor sudah menerima skop kerja daripada Lembaga Sekolah pada 29 Jun lalu.

Manakala Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor sedang berusaha mendapat kelulusan daripada Jabatan Pemetaan dan Ukur (JUPEM) bagi isu persempadanan tanah.





BOOT CAMP RM 1.5 JUTA

Melaksanakan *Graduate Employability Enhancement Programme* demi meningkatkan *soft skills*, kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran



PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL RM 4 JUTA

Mengurangkan jurang pendapatan kaya-miskin dengan memperluas penajaan pendidikan di Kolej INPENS

RM4 juta taja pelajar tercicir

PELAJAR cemerlang tercicir mendapat tempat di institusi pengajian tinggi (IPT) dibantu melanjutkan pengajian dalam program kemahiran di Kolej Antarabangsa INPENS dengan tajaan Selangor berjumlah RM4 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yakin pengenalan program Boot Camp itu mampu melatih dan meningkatkan kema-

hiran graduan.

Katanya, mekanisme sama sudah diuji dan terbukti keberkesannya di negara maju.

"Dalam usaha mencapai taraf Smart State, tahap dan kualiti tenaga kerja merupakan pertimbangan penting.

"Boot Camp dapat menyediakan graduan dengan 'soft skills' dan meningkatkan kebolehpasa-

ran mereka mendapat pekerjaan," katanya.

Kerajaan Negeri memperkalkan Program Peningkatan Kebolehpasaran Graduan dengan kos RM 1.5 juta.

Menerusi program itu, graduan dapat mengikuti pelbagai kursus pendek seperti menghadapi temuduga, penguapan awam dan pengurusan projek.

“

Alhamdulillah, dengan mengamalkan pengembangan dasar fiskal, Kerajaan Selangor bersedia memperuntukkan sejumlah bajet besar bagi memperkukuh kualiti pendidikan dan latihan untuk melahirkan pelajar cemerlang.

Seperti diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, ia meliputi tahap pendidikan holistik termasuk institusi pendidikan tinggi, sekolah, maahad tahfiz, kemahiran praktikal dan latihan kepada para graduan.

Adalah menjadi keutamaan dalam pendidikan untuk melahirkan insan lengkap dengan nilai murni dan moral baik dalam kehidupan bermasyarakat serta peribadi khususnya.

Hal ini kerana, sesuatu pembangunan negeri akan lebih terjamin dengan adanya asas kehidupan baik dalam diri setiap individu.

Saranan dianjurkan Kerajaan Negeri supaya anjakan paradigma dilakukan rakyat adalah langkah terbaik untuk merealisasikan tema belanjawan 'Membangun Smart Selangor Yang Peduli'

Nofaizah Othman
Pensyarah Jabatan
Ekonomi Fakulti
Pengurusan & Muamalah,
Kolej Universiti Islam
Antarabangsa
Selangor, (KUIS).



2015
RM 60
Juta

Baikpulih sistem pembedungan & asrama

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Maju seiring internet of things bagi mencapai gagasan Smart Selangor. Transformasi Unisel untuk bangkit sebagai universiti terbilang

2016
RM 20.9
Juta

Bayaran balik sukuk BaIDS

RM 5 Juta
Program Brain
Bank

RM 10 Juta
Basiswa
Selangorku

UNISEL terima peruntukan RM20.9 juta

UNIVERSITI Selangor (UNISEL) menerima peruntukan RM20.9 juta membina jenama unggul sekali gus meletakkannya di peta pendidikan serantau.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata anjakan paradigma dalam sistem pendidikan perlu dilakukan untuk menghadapi cabaran masa kini.

Katanya, usaha itu menuntut sistem pendidikan holistik untuk membentuk graduan cemerlang

akademik dan berakhlak tinggi.

"UNISEL berpotensi besar memainkan peranan mencorak pembangunan negeri untuk mencapai visi Smart Selangor.

"Kerajaan Negeri bercadang menyalurkan RM20.9 juta untuk membiayai pembayaran balik sukuk BaIDS," katanya.

Pada 2014, Selangor memperuntukkan RM60 juta untuk membaikpulih sistem pembedungan dan asrama UNISEL.





PWB Shoppe

Pusat pengumpulan, jualan produk makanan dan kraftangan home-based menerusi Pusat Wanita Berdaya yang berperanan membangun komuniti perniagaan kecil & sederhana dari kalangan wanita luar bandar

RM 50,000

MEMBANTU MANGSA KEGANASAN DOMESTIK

Dana untuk NGO yang menyediakan khidmat crisis intervention serta program kesedaran awam untuk melindungi wanita & kanak-kanak



RM50,000 lindungi wanita, kanak-kanak

PERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) menawarkan khidmat intervensi krisis dan kesedaran awam melindungi wanita serta kanak-kanak bakal menerima dana RM50,000.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia bagi menghargai usaha NGO dalam membantu mangsa keganasan domestik sejak lebih 30 tahun lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri memandang serius isu keganasan

domestik yang dilaporkan 657 kes di Selangor pada 2014.

"Menerusi dana itu, NGO terbabit menyediakan khidmat perlindungan wanita dan kanak-kanak seperti kempen "He for She" yang dilancarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Semua pihak, pemimpin dan organisasi digesa untuk pastikan kes ini ditangani serta-merta," katanya.

Pada masa sama, Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) sebagai penyelar Rumah Kebajikan Puteri Arafiah di Shah Alam menerima pujian atas usaha melindungi remaja bermasalah.

Tidak dilupakan, usaha Lembaga Swadaya Masyarakat seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) membantu mangsa keganasan domestik selama lebih 30 tahun turut dihargai.

DIDIK Smart Selangor bantu rawat autisme

PROJEK perintis pusat sehenti bagi rawatan autisme, Pusat Didikan dan Terapi Smart Selangor (DIDIK Smart Selangor) bakal dilaksanakan menjelang 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembangunan projek bernilai RM500,000 itu membolehkan ibu bapa menghantar dan mendapatkan rawatan khusus untuk anak penghidap autisme.

"Bagi yang pernah menonton filem 'My Name is Khan' lakonan Datuk Shah Rukh Khan, akan menginsafi watak Khan yang sukar berkomunikasi dan hidup dalam dunianya sendiri kerana mengidap sindrom terababit.

"Kini terdapat lebih 20 pusat pendidikan autisme, Cerebral Palsy dan Down Syndrome di

Projek Perintis Pusat Sehenti Bagi Rawatan Autisme



PELAKSANAAN DENGAN KOS 500,000

Selangor bagi tujuan itu," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri menyediakan keperluan itu kerana kos rawatan dan latihan seorang anak autisme mencecah lebih RM2,000 sebulan membebankan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.



Kini terdapat lebih 20 pusat pendidikan autisme, Cerebral Palsy dan Down Syndrome di Selangor

Program Bantuan Makanan Asas manfaat 5,000 keluarga

PROGRAM Bantuan Makanan Asas bakal diperkenalkan dengan kos RM3 juta bermula 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia adalah strategi bagi membantu golongan kurang berkemampuan meringankan kos sara hidup yang kian meningkat.

"Program ini memberi manfaat kepada 5,000 keluarga termiskin di Selangor.

"Kerajaan Negeri tuntas menjadikan prinsip keadilan sosial sebagai teras dalam amalan pentadbiran, menyelami kepayahan rakyat terbanyak dan mempertingkat usaha kebajikan,"katanya.

“WAO menghargai inisiatif dan sokongan Kerajaan Negeri membangunkan kaum wanita dalam kalangan masyarakat sebagai langkah pertama unggul menerusi pelbagai program dan inisiatif baru. Kami mahu meneruskan perbincangan serta kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan Selangor menjadi tempat lebih baik untuk wanita dan kanak-kanak.

Penting bagi masyarakat menyedari masalah keganasan terhadap wanita akan menda-tangkan keburukan kepada semua secara keseluruhannya”

Sumitra Visvanathan
Pengarah Eksekutif
Pertubuhan Pertolongan
Wanita (WAO)



RM1.5 juta bantu corak kehidupan pekerja ladang

SEBANYAK RM1.5 juta diperuntukkan untuk kebajikan pekerja dan bekas pekerja ladang bagi mencorakkan kehidupan masa hadapan mereka.

Dato' Menteri Besar, Mo-

hamed Azmin Ali, berkata pihaknya mencadangkan RM1 juta daripada peruntukan itu digunakan untuk meneruskan Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.





SOKONGAN padu Kerajaan Selangor dalam menyediakan dana kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan perkhidmatan intervensi krisis disambut baik.

Aktivistik wanita, Ivy Josiah, berkata bantuan itu memudahkan tugas NGO terbabit untuk meneruskan khidmat khususnya melindungi wanita dan kanak-kanak teraniaya.

Beliau juga berharap peruntukan itu diberikan setiap tahun dan bukan secara one-off untuk memastikan kelancaran setiap organisasi.

"NGO yang menawarkan khidmat intervensi memiliki rumah perlindungan, menjalankan

Peruntukan berterusan melindungi wanita

kaunseling secara bersemuka atau panggilan telefon memerlukan bajet tinggi.

"Justeru, sokongan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan diperlukan setiap tahun supaya NGO itu lebih teguh dan mampan," katanya kepada Selangor Kini.

Pada masa sama, Ivy berkata,

pendidikan awal dan program kesedaran awam berkenaan mangsa keganasan domestik perlu dipergiatkan di seluruh negeri.

Katanya, ia boleh bermula dari sekolah dan dipergiatkan di hospital, pejabat kerajaan, Pusat Khidmat Masyarakat atau DUN dan lain-lain.

"Selangor perlu mengambil berat perkara ini dengan melibatkan penyertaan daripada komuniti setempat kerana ramai tidak tahu hak asasi mereka khususnya wanita.

"Kita mahu negeri ini menjadi contoh kepada semua dengan mewujudkan budaya saling menghormati antara satu sama lain," katanya.

Sejumlah RM50,000 disediakan kepada NGO yang menyediakan khidmat intervensi krisis serta program kesedaran awam untuk melindungi wanita dan kanak-kanak.

Antara badan yang giat menjalankan khidmat itu adalah Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) di Petaling Jaya.



Ivy Josiah

PBT

Memberikan keselesaan, memenuhi keperluan & kemudahan aksesibiliti OKU.

LANGKAH PROAKTIF

Program pembangunan latihan & pembelajaran termasuk menambah bahan bacaan braille & audio

RM 270,000

Program pembangunan & pemberdayaan golongan OKU



RM270,000 perkasa sosio ekonomi OKU

SEJUMLAH RM270,000 diperuntukkan bagi program pembangunan dan pemberdayaan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) pada 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia tidak termasuk peruntukan disediakan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Ia adalah usaha untuk terus membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat termasuk golongan OKU serta warga emas dan kanak-kanak.

"PBT perlu responsif memberikan keselesaan, memenuhi keperluan dan kemudahan aksesibiliti OKU seperti penyediaan ramp, handrail dan tempat letak kereta khas," katanya.

Mohamed Azmin berkata,

“

Ia adalah usaha untuk terus membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat termasuk golongan OKU serta warga emas dan kanak-kanak

langkah proaktif perlu dimulakan segera dengan mengenal pasti program pembangunan latihan dan pembelajaran termasuk menambah bahan bacaan braille dan audio diperlukan.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI SERTA MENGUJITERIMA SISTEM LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PENTADBIRAN MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera T1 <i>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri selangor (UPEN)</i>	CIDB, SPKK & PKK Gred : G3/G4/G5/G6/G7 Kategori : ME Pengkhususan: M03	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 03.11.2015 (Selasa) Sehingga 17.11.2015 (Selasa)	RM277.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 25.11.2015 (Rabu) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Cawangan Mekanikal, Seksyen 17, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55190352

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

Tempatan: A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



RM40.5 juta bangun desa dan luar bandar

SEJUMLAH RM40.5 juta diperuntukkan bagi merevolusikan pembangunan desa dan luar bandar, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, jumlah itu meliputi RM10 juta bagi kerja naik taraf kampung dan RM5 juta untuk kemudahan asas desa termasuk membaik pulih dan membina balai raya serta jambatan.

Katanya, RM5.65 juta pula diperuntukkan untuk program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak selain RM5 juta lagi untuk pembangunan kampung baru.

"Selangor komited menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar," katanya.

Mohamed Azmin berkata RM18 juta diperuntukkan untuk Jabatan Pertanian




Selangor komited menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar

MOHAMED AZMIN

dan RM8 juta untuk Jabatan Veterinar.

"Kualiti dan tahap program pertanian dipertingkatkan kepada penggunaan teknologi moden lebih agresif.

"Usaha ini membabitkan penglibatan generasi muda beriltizam dan berpengetahuan menerusi Program Agro Generasi Muda Selangor (Agrogems)," katanya.



Peruntukan RM15 juta kajian bangun Sungai Klang

FASA kajian komprehensif pembangunan Sungai Klang bakal dimulakan pada 2016 dengan peruntukan RM15 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kos berkenaan dibiayai secara bersama oleh lima pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkongsi Sungai Klang.

Katanya, PBT terbabit adalah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Swasta digesa bersama melaksanakan perancangan memajukan tebing sungai dan kawasan sekitar koridor sungai.

"Usaha ini mampu mengatasi masalah pembuangan sampah bagi memastikan aliran sungai tidak terganggu, mengelak banjir, meningkatkan kualiti air sungai,

memelihara kelestarian sumber air dan biodiversiti sungai serta alam sekitar," katanya.

Program pembangunan Sungai Klang bermula pada 2015 dengan peruntukan RM9 juta bagi melaksanakan kerja seperti membersihkan dan mengutip sampah, membina 'logboom', membeli 'trash skimmer', membina serta memasang 'waste trap' di 48 kunci air.

Mengambil contoh kemajuan Sungai Cheonggyecheon di Seoul Korea, Mohamed Azmin yakin usaha itu mampu mengubah Sungai Klang menjadi nadi pertumbuhan ekonomi.

"Sungai Klang menjadi mercu tanda menjana pertumbuhan baru dan mencetus ekosistem ekonomi maritim yang menghubungkan bandar utama di Selangor dan Kuala Lumpur menerusi jalan air, sepertimana Sungai Rhine menghubungkan beberapa negara di Eropah," katanya.



RM10 juta perluas Bas 'Smart Selangor'

PERKHIDMATAN Bas 'Smart Selangor' diperluas ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dengan peruntukan RM10 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata RM3.5 juta dibelanjakan sebelum ini untuk program sama di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Perkhidmatan ini bertujuan mengurangkan penggunaan pengangkutan persendirian sebagai langkah pengurangan karbon dan menuju ke arah 'Negeri Hijau'.

"Ia mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan pelajar universiti, pekerja kilang dan penjawat awam," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM990,000 untuk Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi meneliti dan merangka aspek sistem pengangkutan awam serta sistem jaringan jalan raya dan dijangka siap pada Disember 2015.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga aktif berbincang dengan Prasarana Malaysia Berhad berhubung cadangan pembangunan Projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT 3) dari Bandar Utama ke Johan Setia.

Katanya, laluan sejauh 36km itu dijangka mampu menampung kapasiti 70 ribu penumpang sehari



menjelang 2020.

"Kerajaan Negeri perlu beranjak kepada sistem pengangkutan awam bersepadu, berkapasiti tinggi dan mampan serta mesti diselaraskan dengan penggunaan tanah optima.

"Pelan struktur sistem pengangkutan awam perlu mengambil kira pandangan ramai, keperluan pertumbuhan baru, kepadatan penduduk dan zon Pembangunan Berorientasi Transit (TOD)," katanya.

JPS terima peruntukan tambahan RM80 juta

PERUNTUKAN tambahan RM80 juta disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi 2016, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata ia merupakan peningkatan 70.21 peratus.

Katanya, peruntukan tambahan RM12 juta turut diberi bagi kerja penyelenggaraan kolam

takungan menjadikan jumlah keseluruhan RM24 juta.

"Antaranya, bagi menangani masalah banjir di Johan Setia, Telok Gadong, Pandamaran dan Kapar.

"Penambahbaikan sistem saliran di Kampung Melayu Sungai Buloh dan Kampung Tasik Permai, Hulu Langat," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memutuskan JPS diberi keupayaan untuk menyelenggara 314 kolam takungan melalui Akaun Amanah Caruman Parit.

Beliau berkata, bagi tempoh tiga tahun mulai 2015, RM30.67 juta dikeluarkan dari akaun terbit untuk kerja penyelenggaraan kolam takungan.



KEBANGKITAN ekonomi kreatif diberi fokus apabila sektor seni dirancakkan dengan lima teras utama membabitkan peruntukan RM53 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata lima rancangan itu membabitkan penterjemahan dan buku audio, pembangunan projek Peta Kebudayaan, Shah Alam sebagai 'World Muslim Fashion City'.

Katanya, turut diwujudkan Galeri Seni dan Muzium Tekstil di Royal Klang Club serta Studio Terbuka di Petaling Jaya untuk pengkarya muda.

"Hari ini, gerakan pencerahan awam dilonjakkan teknologi melalui perkembangan pesat buku audio.

"Selangor mahu menjadi pemimpin kegiatan pencerahan ini melalui produksi buku audio karya Melayu klasik dan moden

RM53 juta rancakkan ekonomi kreatif

bagi membantu golongan OKU penglihatan berkongsi pencerahan dengan peruntukan RM2 juta," katanya.

Selain itu, RM5 juta diperuntukkan bagi merancakkan wacana serta mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

Manakala bagi melaksanakan projek Peta Kebudayaan, RM1 juta diperuntukkan bagi menjalankan usaha memartabatkan warisan kebudayaan masyarakat Orang Asal seperti Mah Meri, Negrito dan Melayu Proto.

Lanjutan pengumuman Petaling Jaya sebagai Kota Seni, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) disaran mewujudkan 'Open Studio' sebagai ruang pengkarya muda meliputi seni catan, seni cetak dan seni arca.

"Ini membolehkan Selangor menganjurkan pameran bertaraf 'biennale' seperti di Gwangju, Korea Selatan dan Jogjakarta, Indonesia," katanya.

Katanya, RM30 juta diperuntukkan untuk membina Heritage Walk dan RM15 juta bagi pembi-

naan Muzium Setem.

Mohamed Azmin berkata, pembangunan ekonomi kreatif juga perlu diimbangi dengan 'soft sector' seperti fesyen, muzik, filem, konsert, kegiatan intelektual dan kebudayaan dalam mencipta peluang pekerjaan dan ekonomi.

"Hari ini, industri kreatif semakin rancak dengan pembangunan aplikasi dan animasi.

"Kerajaan Negeri berusaha menjadikan Smart Selangor sebagai 'watering hole for arts aficionados'," katanya.

“**Selangor mahu menjadi pemimpin kegiatan pencerahan ini melalui produksi buku audio karya Melayu klasik dan moden bagi membantu golongan OKU**

MOHAMED AZMIN

“**Bila Jakel mempromosikan perniagaannya di Segamat, usahawan tekstil lain ikut serta menyebabkan kawasan itu menjadi tempat persinggahan orang luar sehingga pada hari cuti kita dapat lihat banyak bas rombongan dari luar datang membeli-belah.**

Dengan perancangan yang betul dan sokongan Kerajaan Negeri saya pasti Shah Alam boleh berjaya sama ada diperingkat dalam negeri dan antarabangsa.

Saya melihat projek ini dengan skop lebih meluas. Bila pelancong atau orang ramai datang mereka perlukan penginapan, restoran ataupun tempat mereka singgah dan secara tidak langsung ia menaikkan industri hotel, perniagaan makanan dan sektor lain.

Mohamed Izani Mohamed Jakel
Pengarah Jakel Trading Sdn Bhd (Jakel)



Realisasi Selangor jadi pusat budaya dan seni

TUMPUAN khusus diperhebat bagi mengangkat Selangor sebagai kota seni dan pusat kebudayaan bagi memastikan hasrat itu tercapai.

Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata penumpuan diberikan kepada aspek

pentadbiran dalam menyiapkan kertas kerja diperlukan.

Beliau berkata, hasrat itu sudah lama dirancang, namun masih belum tercapai sehingga Belanjawan Selangor 2016 diumumkan.

"Di bawah kebudayaan, tiada peningkatan program tetapi ada penambahan inisiatif menyediakan Peta Kebudayaan Selangor.

"Inisiatif itu permulaan baik dan mampu menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri menyusun pelan pada 2016," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Grand Finale Kejohanan Liga Sukan Selangor Plus di Kompleks Sukan SUKSES, Seksyen 6, dekat sini, pada 31 Oktober.



Foto dari Islamic Life

Shah Alam jadi Bandar Fesyen Islam Antarabangsa

SHAH ALAM dibangunkan sebagai World Muslim Fashion City atau Bandar Fesyen Islam Antarabangsa bagi meraikan fesyen kepelbagaian indentiti kosmopolitanisme dunia Islam.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata langkah itu diambil ekoran Selangor perlu mengambil peluang dari gejala fashionista 'the rise and rise of Muslim fashion industry'.

"Ledakan saiz golongan kelas menengah Islam dan keyakinan beragama mencetuskan

gerakan trend fesyen keperibuman, hijabista dan pakaian sukan wanita sopan.

"Shah Alam bakal masyhur sebagai pusat fesyen umat Islam di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Mohamed Azmin berkata, inisiatif itu mampu memberi impak kepada ekonomi khususnya perniagaan tekstil.

Beliau yakin ia mampu membina kesedaran dan galakan kepada masyarakat Islam berpakaian sopan bersesuaian dengan aktiviti dijalankan.



Peruntukan pelancongan meningkat RM7.75 juta

RM300 juta wujud pelancongan kesihatan

GOMBAK, Shah Alam dan Setia Alam dipilih sebagai lokasi pembinaan hospital oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan RM300 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembangunan kemudahan itu dijangka siap menjelang 2020.

"Ia membabitkan penggabungan dan pengambil alihan hospital atau pusat perubatan sedia ada, pembangunan hospital baru, usahasama atau pembelian ekuiti saham serta aktiviti lain yang boleh menjana pendapatan," katanya.

Peruntukan itu bagi mempromosikan pelancongan kesihatan (Health Tourism) dengan melantik Selgate Corporation sebagai peneroka dalam bidang perubatan dan kesihatan.

PERUNTUKAN RM7.75 juta setahun disalurkan khusus bagi merancakkan sektor pelancongan negeri membabitkan usaha mempromosikan acara pelancongan, memajukan industri kraftangan dan produk.

Dato Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ketetapan itu diambil bagi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

"Pelancongan antara sumber pemacu pertumbuhan ekonomi negeri dengan anggaran 7.35 juta pelancong melawat Selangor dalam bentuk 'tourism dollars' pada 2016," katanya.

Kerajaan Negeri turut membelanjakan RM1.35 juta bagi menaik taraf Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan, prasarana di Pantai Remis dan pembelian trem di Bukit Melawati.

Mohamed Azmin berkata, Selangor juga berhasrat menjadikan Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) sebagai Tapak Warisan Negara dan Dunia.

"Alam semulajadi mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan seperti PKGS sebagai permatang kuarza terpanjang di dunia sekali gus menarik pelancong dari dalam dan luar negeri," katanya.



Alam semulajadi mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan seperti PKGS sebagai permatang kuarza terpanjang di dunia sekali gus menarik pelancong dari dalam dan luar negeri

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar



Belanjawan Selangor tepat, bermanfaat buat ekonomi dan rakyat

Ini adalah pengiktirafan bahawa pelancongan perubatan atau kesihatan antara terpenting bagi membawa lebih ramai pelancong daripada luar negara ke Selangor

ELIZABETH WONG
Exco Pelancongan

USAHA Kerajaan Negeri membangunkan pelancongan kesihatan disifatkan sebagai langkah tepat bagi pembangunan sektor terbabit untuk membantu memacu ekonomi Selangor.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata peruntukan RM300 juta bagi memperkasa sektor itu amat dialu-alukan.

"Permulaan baik ke arah memantapkan sektor pelancongan dan perkhidmatan di Selangor.

"Ini adalah pengiktirafan bahawa pelancongan perubatan atau kesihatan antara terpenting bagi membawa lebih ramai

pelancong daripada luar negara ke Selangor," katanya kepada Selangor Kini.

Elizabeth turut mengalu-alukan kewujudan Jawatankuasa Teknologi Hijau beserta peruntukan RM2 juta dalam usaha penerokaan dan pembangunan bidang terbabit.

"Kita boleh anjurkan pelbagai program dan membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat dasar lebih baik untuk memelihara alam sekitar menggunakan teknologi berkaitan," katanya.

Elizabeth berkata, secara keseluruhan belanjawan 2016 mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri menabur khidmat bakti dan menjaga kebajikan rakyat.



Persiap kontinjen SUKMA hadapi cabaran

PERUNTUKAN besar untuk pembangunan sukan digunakan sebaik mungkin bagi persiapan kontinjen Selangor menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak pada 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata meskipun angka diumumkan selesa, namun tugas berat menanti semua dalam memastikan kejayaan pasukan.

"Perbelanjaan itu berdasarkan permohonan dibuat dari tahun ke tahun dan masanya untuk kita lakukan.

"Ia juga proses melengkapkan pemerkasaan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor yang kita panjangkan ke pe-

ringkat daerah. Kita tambah kakitangan untuk pemantauan di peringkat daerah," katanya.

Amirudin berkata, pembangunan Akademi Merah Kuning diberikan penumpuan bagi melahirkan bakat muda dalam meneruskan legasi bola sepak.

Katanya, RM5 juta disumbangkan kepada Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) dalam usaha memajukan sukan bola sepak.

"Satu anjakan baru untuk bola sepak. Walaupun ada kekurangan, namun saya rasa cukup untuk memastikan pasukan Liga Super 2016 mempunyai peruntukan baik," katanya.

“Ia juga proses melengkapkan pemerkasaan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor yang kita panjangkan ke peringkat daerah. Kita tambah kakitangan untuk pemantauan di peringkat daerah

AMIRUDIN SHARI
Exco Sukan

80 CCTV pantau budaya samseng sukan

SEBANYAK 80 unit kamera litar tertutup (CCTV) siap dipasang di Stadium Shah Alam bagi meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan itu, awal Oktober lalu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata tindakan itu susulan insiden pergaduhan semasa perlawanan bola sepak antara Malaysia dengan Arab Saudi di stadium terbabit pada 8 September lalu.

Katanya, CCTV dipasang di bahagian tempat duduk penonton dan laluan pejalan kaki setiap aras stadium.

"Langkah itu meningkatkan keselamatan dan keyakinan kepada penonton serta penganjur sukan bahawa Stadium Shah Alam adalah zon selamat.

"Diharap budaya samseng dalam sukan dapat dibanteras," katanya.



Liga Selangor Plus sasar dua sukan tambahan

SEKURANG-kurangnya dua lagi acara sukan popular bakal ditambah untuk memeriahkan kejohanan Liga Sukan Selangor Plus pada masa hadapan.

Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata ia bagi menarik lebih ramai penyertaan di samping mencungkil bakat baru.

"Program ini dilaksanakan dengan harapan generasi muda sihat dan cerias bagi bersama Selangor membangunkan sukan.

"Kita juga mensasarkan tambahan acara sukan pada 2016 dengan peruntukan bersesuaian supaya ia dapat digerakkan dengan lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Grand Finale Kejohanan Liga Sukan Selangor Plus di Kompleks Sukan SUKSES, Seksyen 6, di sini, pada 31 Oktober lalu.

Dianggarkan lebih 1,500 peserta menyertai kejohanan akhir itu melalui tiga acara sukan dipertandingkan iaitu bola jaring, bola keranjang dan futsal.

Pada masa sama, Amirudin berkata,

pihaknya mensasarkan lebih banyak penyertaan daripada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk merancang kejohanan itu.

Katanya, untuk kejohanan kali ini hanya 24 DUN terlibat, antaranya Sementa, Batu Tiga, Kota Anggerik dan Taman Medan.

"Kejohanan kali ini dilihat belum begitu berjaya kerana penyertaan masih kurang tinggi daripada DUN seluruh Selangor, justeru 2016 kita sasarkan antara 40 hingga 45 DUN mengambil bahagian," katanya.



Learning Center

Ruang santai, pusat pembelajaran & riadah di perumahan kos rendah dengan kemudahan komputer, WiFi serta program tuisyen percuma oleh sukarelawan muda

RM 1.45 Juta

Menggalakkan program & kegiatan generasi muda di peringkat PBT melalui Pengerak Belia Tempatan (PeBT)

RM 25.08 Juta

Program Pembangunan Generasi Muda & Sukan

RM 17.68 Juta

Pembangunan atlet & baik pulih infrastruktur sukan



Wujudkan Akademi Merah Kuning

RM23 juta bangun bola sepak

PEMBANGUNAN bola sepak Selangor terus diberi perhatian apabila menerima peruntukan RM23 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan itu termasuk membangunkan Akademi Merah Kuning untuk menggilap bakat pemain muda Selangor seawal usia 16 tahun.

"Kegemilangan bola sepak harus dikembalikan dengan potensi besar dimiliki pasukan itu.

"Bagi 2016, Selangor bertekad melakar kecemerlangan sukan bola sepak dengan agenda pembangunan lebih holistik dan profesional," katanya.

Mohamed Azmin berkata, pelancongan sukan turut diperkenalkan merangkumi sukan paragliding, badminton, basikal, sukan ekstrem, papan selaju dan roller blade.

Katanya, aktiviti memenuhi citarasa Generasi Y itu dijangka menarik lebih banyak penyertaan untuk melahirkan generasi sihat dan cemerlang.

"Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan bercadang menaik taraf kemudahan sukan paragliding di Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu sebagai persiapan Sukan SEA 2017 serta menarik pelancong melihat sukan itu," katanya.



RM 23 Juta

Sumbangan untuk bola sepak Selangor termasuk membangunkan *Akademi Merah Kuning*

AGENDA PEMBANGUNAN BOLA SEPAK YANG HOLISTIK & PROFESIONAL

TURUN KE SETIAP DAERAH

Mencari dan menggilap bakat muda seawal usia 16 tahun

RM25 juta untuk pembangunan generasi muda

SEJUMLAH RM25 juta diperuntukkan bagi program pembangunan generasi muda dan sukan dalam Belanjawan Selangor 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia termasuk cadangan perbelanjaan RM17.7 juta untuk pembangunan atlet dan baik pulih prasarana sukan.

"Peruntukan itu sebagai kesinambungan Dasar Belia Selangor yang menjadi teras pembangunan generasi muda meliputi pelbagai aspek.

"Antaranya, pendidikan dan latihan kemahiran, keusahawanan dan pekerjaan, kepimpinan dan organisasi, teknologi maklumat dan komunikasi serta kemasyarakatan, jaringan dan kesukarelawan," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM1.45 juta untuk program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bertujuan menghargai generasi Y yang bertenaga, pintar dan memiliki keupayaan luar biasa untuk menyumbang kepada masyarakat.

"Kerajaan Negeri melaksanakan projek perintis dengan menyediakan pusat pembelajaran di kawasan kos rendah bagi menyediakan ruang santai yang sihat dengan pelbagai kemudahan.

"Antaranya, komputer, WiFi Smart Selangor, ruang pembelajaran dan program tuisyen percuma bagi membolehkan sukarelawan muda menyumbang khidmat pendidikan kepada masyarakat," katanya.

